

# PENTAKRIFAN DIALEK PERAK DALAM KAMUS

*Norliza Jamaluddin*

## **Abstrak**

Pemerian makna paling penting dalam leksikografi kerana makna atau takrifan sesuatu katalah yang paling dikehendaki oleh pengguna. Tuntutan terhadap makna kata bukan sekadar dalam kamus dwibahasa, malahan dalam kamus ekabahasa. Walaupun makna merupakan aspek yang paling dikehendaki, tetapi penghasilan makna merupakan perkara yang paling sukar untuk ditangani. Menurut Hartmann (1933:6), kesukaran yang dihadapi dalam penghasilan sesebuah kamus ialah pentakrifan sesuatu kata. Aspek ini dianggap sukar kerana aspek ini menuntut penguasaan ilmu teras yang mendalam daripada aspek semantik, pragmatik dan ilmu bantu yang lain.

## **Abstract**

*In lexicography, words description is paramount because it is the meaning of the words that is actually needed by the users. Words description is required in monolingual and bilingual dictionaries. Describing words is hard as in Hartmann (1933:6). It is difficult because one need to understand fully the semantics, pragmatics and other disciplines.*

## **PENDAHULUAN**

Sejak terbitnya *Kamus Dewan* pada tahun 1970, penulisan yang berkaitan dengan perkamusan Melayu semakin giat. Antaranya makalah yang ditulis oleh Abdullah Hussain (1970), Abdul Chaer Mad'ie (1978) dan Asmah Hj. Omar (1971, 1975 dan 1987). Di samping itu, petugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya di Bahagian Perkamusan, turut menyumbang makalah yang berkaitan dengan bidang ini. Antara persoalan yang dikemukakan ialah


sejarah perkamusan, permasalahan ejaan, konvensi leksikografi dan persoalan takrifan. Kebanyakan makalah ini diterbitkan dalam majalah *Pelita Bahasa* dan *Jurnal Dewan*. Selepas 30 tahun *Kamus Dewan* susunan Teuku Iskandar diterbitkan persoalan makna atau takrifan dalam kamus masih dibincangkan. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menghuraikan aspek takrifan yang terdapat dalam kamus ekabahasa bahasa Melayu, iaitu *Kamus Dewan* Edisi Ketiga (KDET). Tumpuan khusus diberikan terhadap kata entri yang dilabelkan dengan label Pr, iaitu merujuk kepada dialek Perak. Aspek takrifan yang dibincangkan bertujuan untuk menunjukkan ciri yang membantu dan menghalang pemahaman pengguna kamus terhadap kata entri dialek tersebut.

## PENGENDALIAN KATA DIALEK

Dalam *Kamus Dewan*, terdapat enam kategori kata yang dijadikan entri utama kamus; Melayu baku, kata dialek, kata bahasa percakapan (termasuk bahasa kasar, slanga, ungkapan bukan formal), kata yang digunakan dalam sastera lama, kata teknikal (istilah dalam bidang tertentu) dan kata pinjaman (Noresah Baharom, 1993:1123). Kemasukan kata dialek ini telah dimulakan sejak *Kamus Dewan* 1970 lagi. Kata dialek yang dimuatkan di dalam kamus ini diperoleh daripada orang perseorangan. Dialek Perak yang merupakan salah satu dialek di Malaysia turut tercakup dalam kamus ini, iaitu sebanyak 215 kata (bagi edisi kedua). Bagi mengenali kata dialek ini, *Kamus Dewan* memberikan label bagi sumber ambilan kata dialek tersebut. Dialek Perak dikenali dengan label Pr.

## ASPEK TAKRIFAN

Apabila ditinjau setiap halaman kamus, didapati kamus meletakkan takrifan (*definiens*) dalam struktur mikro, manakala kata entri atau *lemma* (*definiendum*) dalam struktur makro (Rey, 1990:45). Berdasarkan konvensi leksikografi, kedudukan takrifan di sebelah kanan kata entri. Bagi membezakan kata entri dengan takrifan, biasanya kata entri ditebalkan hurufnya. Hal ini dapat diperjelaskan melalui contoh berikut:



Setiap kata entri yang dimuatkan perlu ditakrif dan inilah tugas utama sesebuah kamus. Bagi kamus ekabahasa, setiap takrifan dijelaskan dengan menggunakan bahasa yang sama seperti kata entri. Misalnya, kamus eka-bahasa bahasa Melayu menggunakan bahasa Melayu untuk mentakrif kata entri dan takrifannya. Keadaan inilah yang menjadi punca kesukaran dalam penyusunan kamus, iaitu kesukaran yang dihadapi oleh setiap perkataan bagi menyatakan “dirinya sendiri” dengan menggunakan bahasanya sendiri. Kesukaran ini jika tidak ditangani dengan baik akan menimbulkan kerumitan kepada pengguna untuk memahami takrifan sesuatu kata. Apabila hal ini terjadi kamus tidak lagi mesra pengguna.

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, takrifan diletakkan di bahagian kanan kamus, manakala kata entri diletakkan pada bahagian kiri. Contoh kata entri yang berlabel Pr adalah seperti di bawah:

<b>remban</b> (remban) Pr;	<b>meremban</b> merembat: <i>nanti kuremban kakinya dgn parang;</i> (hlm. 1121)
<b>ripai</b> Pr	wang yg diturunkan secara ber-dikit-dikit oleh beberapa org utk membeli sesuatu benda yang mahal, wang pakatan (hlm. 1143)
<b>tatabas</b> Pr;	sembuh daripada penyakit (kerana diganggu puaka) dengan membuang ancak (hlm. 1438)
kata entri	takrifan

Berdasarkan contoh tersebut, didapati bahawa kata entri dan takrifan telah dipisahkan oleh kategori maklumat lain, iaitu wacana leksikografi seperti keterangan sebutan, label asal usul kata dan kata terbitan (bagi kata entri) yang menunjukkan bahawa kata entri tersebut yang merupakan bentuk prakategori tidak boleh wujud secara bebas dan memerlukan imbuhan. Kehadiran wacana leksikografi di tengah kata entri dan definisi telah menyebabkan kata entri dan definisi ini tidak dapat dibaca sebagai satu ayat yang sama seperti pola ayat yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Malahan contoh ini menunjukkan bahawa bahasa yang digunakan di dalam kamus agak berbeza dengan bahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu. Hal ini begini kerana bahasa yang digunakan lebih ringkas dan agak “melompat-lompat”. Contohnya:

**ketoyong**    terbalik dengan kepalanya ke bawah dan pakunya ke atas (berkenaan gasing yang berpusing ligat)  
(hlm. 669)

**tala**            ibu kunci, mangga, gepuh-gepuh, pedal ayam  
(hlm. 1352)

Walaupun terdapat ayat yang dimuatkan menyimpang daripada pola ayat sebenar dalam bahasa Melayu, hal ini masih diterima akibat daripada kekangan ruang. Menurut Rey (1990:46), kehadiran bentuk seperti ini dalam kamus berdasarkan formula eliptik:

1. **X = D** atau,
  2. **X:D** (atau tiada padanan makna) tetapi diikuti oleh frasa *definiens*.
- **X** boleh terdiri daripada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif atau yang lain.
  - **D** ialah padanan makna yang sama dengan kata entri.

Oleh itu, setiap definisi yang dipaparkan perlulah diinterpretasi sendiri oleh pengguna kerana **X** mungkin membawa maksud: **X** ialah...; **X** bermakna...; **X** digunakan... atau kita menggunakan **X** dalam situasi tertentu apabila syarat tertentu dipenuhi.

Jelasnya, entri yang terdiri daripada kata nama dapat dibaca sebagai satu ayat yang lengkap. Contohnya:

**Adika**            gelaran orang besar (hlm. 8)  
**itam**             nama timang-timangan untuk anak yang ketujuh (hlm. 503)  
**mika**            kata ganti diri kedua, engkau, kamu (hlm. 888)  
**reman**          kayu atau buluh kecil (spt jarum) yg diikat pada tali dan menyebabkan perangkap tertutup (hlm. 1121)

Hal seperti yang ditunjukkan di atas amat membantu pengguna untuk memahami makna kata dan pengguna dapat membacanya sama seperti membaca ayat yang berpola FN + FN dalam bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, bagi kebanyakan kata entri yang diteliti, didapati bahawa KDET menggunakan teknik mampatan bagi menjimatkan ruang.

Salah satu teknik yang digunakan untuk memampatkan takrifan kata ialah penggunaan tanda kurungan. Hal seperti ini menyebabkan pengguna menghadapi kesulitan untuk memahami makna sesuatu kata kerana perlu membuat penginterpretasian sendiri terhadap kata yang dibacanya. Penggunaan tanda kurungan ini sebenarnya bermula pada abad ke-19 lagi (Hanks, 1988:120). Sejak itu, kamus ekabahasa kerap kali memasukkan tanda kurungan dalam bahagian takrifannya. Misalnya dalam kamus *Longman Dictionary of Contemporary English* (LDOCE), konvensi meletakkan objek superordinat di dalam kurungan bagi sesuatu kata kerja amat kerap digunakan. Contohnya:

- carry 1**     1. to bear (someone or something) in one's back, etc. while moving

(LDOCE, 1987)

Penggunaan tanda kurungan amat banyak pada entri yang berlabel Pr. Didapati kurungan mempunyai fungsi tersendiri dan fungsi yang didukung oleh setiap kurungan perlu diinterpretasi oleh pengguna. Antara fungsi yang terdapat dalam kata entri berlabel Pr adalah sebagai:

1. Objek superordinat. Contohnya:

**gerutuk**                      **menggerutuk** mengebas, mengirap-irapkan (kain dll.) (hlm. 397)

Bagi kata entri ini, *gerutuk* bermaksud *mengebas kain*. Perkataan *kain* yang dimuatkan di dalam kurungan berfungsi sebagai objek bagi kata entri. Hal ini menjelaskan bahawa *gerutuk* dilakukan dengan menggunakan *kain* sahaja.

2. Maklumat tambahan. Contohnya:

**genyi**     tertahan nafsu utk makan (krn kotor, melihat najis dll), jijik, mual (hlm. 393)

**jabil**     pundi-pundi, uncang, undil (dibuat daripada kain atau mengkuang) (hlm. 505)

Frasa *krn kotor atau melihat najis* merupakan maklumat tambahan bagi membantu pengguna memahami takrifan kata entri *genyi*. Jika maklumat dalam kurungan ini tidak dimuatkan, maka sukarlah bagi pengguna untuk mengetahui sebab *nafsu untuk makan seseorang terhenti*. Begitu juga dengan kata entri *jabil*. Ini bermaksud benda yang dirujuk sebagai *jabil* merupakan uncang atau pundi-pundi yang diperbuat daripada kain atau mengkuang.

## 3. Pembatas makna. Contohnya:

- kemin** kemas atau rapi buatannya (kerusi, meja dll)(hlm. 627)  
**deruih** nakal (kanak-kanak)(hlm. 297)  
**dongking** kurus (badan)(hlm. 313)  
**lare** gerak mula dalam pekerjaan dll (permulaan pekerjaan)(hlm. 769)  
**sempoh** menanduk (kerbau)(hlm. 1235)

Kata entri *kemin* misalnya telah membataskan cakupan maknanya, iaitu *kemin* hanya merujuk kepada kekemasan buatan bagi *kerusi* dan *meja*. Hal ini menunjukkan bahawa entri *kemin* hanya terbatas pada perabot dan kekemasan pembuatan ini tidak termasuk pakaian atau pertukangan kayu yang lain seperti kapal atau rumah. Begitu juga kata entri *deruih* yang khusus kepada *kanak-kanak*, manakala *dongking* khusus bagi *badan* sahaja.

Penggunaan kurungan dalam bahagian takrifan ini dapat membantu pengguna memahami maksud sesuatu kata. Walaupun KDET memasukkan pelbagai maklumat di dalam kurungan, namun teknik yang digunakan dalam kamus ini sebahagiannya masih tidak dapat membantu pengguna memahami kata sepenuhnya. Contohnya, kata entri *wit*

**wit** Kd, Pr; **mengewit** mengarahkan (perahu dll) ke tempat yg dituju. (hlm. 1551)

Berdasarkan contoh ini, perkataan dalam kurungan, iaitu *perahu dll* telah membataskan makna perkataan *wit*. Pengguna memahami bahawa *perahu* dan kata yang seperangkat dengannya seperti *sampan* dan *rakit* yang boleh diarahkan ke tempat yang dituju. Walau bagaimanapun, tidak ada maklumat yang memasukkan cara mengarahkan perahu ke tempat yang dituju. Adakah perahu atau sampan mengewit dengan menggunakan dayung atau alat lain? Bolehkah *kapal* atau *bot* menggunakan kata entri *mengewit* untuk mengarahkannya ke tempat yang dituju dengan menggunakan layar? Dan seperkara lagi, bolehkan didapati dalam dialek Perak, manusia juga *mengewit*, iaitu berpindah dari satu tempat ke tempat lain.

Ada juga kata entri yang mempunyai takrifan yang masih tidak dapat memenuhi kehendak pengguna akibat daripada kekurangan maklumat. Contoh:

- bera** hitam legam (hlm. 140)  
**calat** habis: nasi seperiuk itu dimakannya hingga ~ (hlm. 204)  
**lugu** jemu, jelak (hlm. 829)

**repu**            **merepu** menimbun sampah dll utk dibakar (utk menghalau nyamuk, hantu, dll); 2. tersangat banyak, berlambak-lambak (hlm. 1132)

Contoh di atas tidak menunjukkan bentuk tipikal kata tersebut. Oleh itu, pengguna kamus yang tidak mengetahui dialek Perak berkemungkinan tersalah tanggapan bahawa *bera* bukan sekadar merujuk kepada kulit yang hitam tetapi juga boleh merujuk kepada warna pakaian (walaupun mengikut dialek Perak, jika perkataan ini dirujuk kepada pakaian, maksudnya pakaian kotor), atau warna benda lain seperti pintu, dinding dan sebagainya. Begitu juga bagi kata entri *calat*. Kamus ini memuatkan ayat percontohan untuk membantu kefahaman pengguna terhadap makna dan penggunaan kata entri tersebut dalam ayat. Persoalannya bolehkah kerja yang telah selesai dilakukan dikatakan sebagai *calat*. *Lugu* dalam dialek Perak digunakan untuk merujuk kepada masa sahaja, contohnya *telah lugu menunggu* tetapi tidak boleh digunakan untuk makanan. Misalnya dalam ayat *saya dah lugu dengan masakan di gerai itu* dianggap tidak sesuai konteksnya. Bagi kata entri *repu*, tidak dinyatakan dalam kamus ini bahawa *repu* hanya dilakukan pada waktu senja. Oleh itu, pengguna boleh beranggapan bahawa *repu* boleh dilakukan pada bila-bila masa. Hal ini menunjukkan bahawa belum cukup maklumat yang dimuatkan dalam KDET bagi dialek Perak.

Akibat kekangan ruang, kamus juga sering memuatkan kata yang seerti atau maklumat sinonim bagi mentakrifkan sesuatu kata entri. Hal ini kadangkala membantu pengguna, tetapi ada kalanya menimbulkan kerumitan kepada pengguna apabila makna sinonim yang diberikan lebih sukar berbanding dengan kata entri. Menurut Tickoo, 1989 (rujuk Nor Azizah Abu Bakar, 2000:871), takrifan yang baik ialah yang mampu menyampaikan makna dalam bahasa yang difahami sepenuhnya oleh pengguna. Nakamoto pula menyarankan agar kata dalam bahagian takrifan ialah kata yang tinggi kekerapannya dan lebih mudah daripada kata yang ditakrif.

Dalam KDET, kata entri seperti *baguk*, *baling*, *jabil*, *kacat*, *pinuh*, *rambut* dan *gundi* agak sukar difahami kerana kata seerti yang diberikan dalam bahagian takrifan lebih sukar daripada kata entri. Contohnya:

<b>baguk</b>	bagur (hlm. 85)
<b>baling</b>	cerpelai (hlm. 97)
<b>jabil</b>	pundi-pundi, undang, undil (hlm. 505)
<b>kacat</b>	pinang ~, pinang muda, pinang jerkat (hlm. 555)
<b>pinuh</b>	kepek atau belubur yang terletak di sawah untuk menyimpan padi (hlm. 1042)

<b>rambat</b>	<b>merambat</b> membubul jala (hlm. 1094)
<b>gundi</b>	sj. buah; <i>kembal</i> ~ Pr kembal yg berbentuk buah dan dihiasi dengan kertas berwarna (hlm. 418)

Contoh di atas menunjukkan bahawa dalam pemberian takrifan sesuatu kata, terdapat perkataan dalam bahagian takrifan yang tidak dapat difahami oleh pengguna dan pengguna perlu merujuk kepada kamus untuk memahami makna perkataan tersebut. Sifat yang sebegini disebut sebagai kelingkaran makna. Makna perkataan seperti *bagur*, *cerpelai*, *undil*, *jerkat*, *belubur*, *membubul* dan *kembal* diketahui dengan meneliti maknanya di dalam kamus seperti yang ditunjukkan di bawah:

<b>bagur</b>	(bkn manusia, binatang), lekas menjadi besar (gemuk) dan tinggi, luar biasa besar dan tingginya (hlm. 85)
<b>cerpelai</b>	sj. binatang drpd jenis musang, <i>Herpestes spp.</i> (hlm. 236)
<b>undil</b>	tempat menyimpan wang, pundi-pundi (hlm. 1520)
<b>pundi-pundi</b>	1. Kantung kecil (tempat wang dll), dompet kecil... (hlm. 1070)
<b>jerkat</b>	<i>pinang</i> ~ pinang muda yg dimakan dgn siri (hlm. 536)
<b>belubur I</b>	tempat menyimpan beras yg dianyam drpd daun sang (sj rembia);(hlm. 179)
<b>membubul</b>	memperbaiki jala (jaring dll) yg sobek: ~ <i>pukat</i> (hlm. 133)
<b>kembal I</b>	sj. bakul kecil drpd mengkuang (bentuknya seakan-akan kumbu atau kepis); ~ <i>gundi</i> (gandi) kembal yang berhias dgn kertas yg berwarna-warni (hlm. 624)

Pengguna masih tidak mendapat maklumat selengkapnya apabila merujuk kepada kata entri yang dikehendaki. Oleh itu, kata *jabil* misalnya hanya diketahui maknanya apabila pengguna merujuk kepada perkataan *undil* atau *pundi-pundi*. Begitu juga kata entri yang lain.

## KESIMPULAN

Pemaparan aspek takrifan dalam kamus, khususnya kata entri berlabel Pr bertujuan untuk menunjukkan bahawa persoalan takrifan perlu ditangani dengan lebih kemas agar kamus lebih mesra pengguna dalam mengungkapkan dialek tersebut. Hal ini demikian kerana kamus merupakan satu-satunya buku yang sering dirujuk untuk mendapatkan makna sesuatu kata. Hal ini juga jelas menunjukkan bahawa mentakrif kata bukan mudah. Asmah Hj. Omar (1971:178) misalnya pernah menyatakan bahawa penghasilan makna



merupakan bentuk yang paling rumit dalam keseluruhan projek perkamusan.

Walau bagaimanapun, persoalan makna perlu diperkatakan di sini kerana kamus merupakan dokumen penting dalam usaha merakamkan sejumlah besar kosa kata yang digunakan oleh setiap lapisan masyarakat. Malahan, tidak keterlaluan jika dikatakan di sini bahawa hampir semua kosa kata yang digunakan oleh masyarakat Melayu yang dimuatkan di dalam kamus khususnya *Kamus Dewan* merangkumi kata yang berupa dialek. Kata dialek yang dimuatkan bukan sekadar dialek Melayu Malaysia, malahan kata dialek Brunei juga termuat dalam kamus ini. Justeru, bagi menjadikan kamus sebagai dokumen yang merakamkan kata dan makna, kamus seharusnya menyajikan makna yang lengkap dan dapat memenuhi kehendak pengguna di samping aspek ketepatan.

Pemaparan dialek Perak juga membuktikan bahawa banyak kata entrinya yang perlukan penyelidikan lanjutan khususnya dalam bahagian takrifan. Hal ini penting bagi memastikan kelangsungan dialek Perak akan terus berkekalan dan dialek ini benar-benar difahami dan diketahui oleh orang Melayu, khususnya Melayu di Malaysia. Jika persoalan takrifan dialek Perak tidak ditangani, dikhuatiri generasi Melayu siber pada masa akan datang tidak akan mengetahui makna sebenar kata yang didengar oleh mereka. Tambahan pula dalam usaha menghadapi era globalisasi, penggunaan bahasa Melayu semakin berkurangan. Generasi muda rata-rata kurang menggunakan dialek semasa bertutur. Tinjauan yang dilakukan ke atas generasi muda yang merupakan anak kelahiran Perak, mendapati bahawa banyak kata dialek Perak yang dimuatkan dalam kamus ini yang tidak difahami oleh mereka. Justeru, dalam usaha melindungi dialek Perak, kamus memainkan peranan yang amat penting dalam menghimpunkan segala maklumat yang berkaitan dengan dialek ini.

Dalam hal dialek Perak juga, statistik menunjukkan bahawa kata dialek Perak yang dimuatkan sebagai kata entri amat sedikit, hanya 215 kata berbanding dengan dialek lain seperti dialek Kelantan (1021), Kedah (451), dan Terengganu (418) (Noresah Baharom, 1993). Ketidakseimbangan ini wajar diatasi kerana Perak merupakan sebuah negeri yang besar di Semenanjung dan pasti penggunaan dialek oleh penuturnya jauh lebih tinggi daripada yang terakam dalam kamus ini.

## LAMPIRAN

**Kata Entri Dialek Perak**

---

**Adika** Pr gelaran orang besar: *Dato' Seri ~ Raja* (8)

**Aup** Pr mati, mampus: *terlangkup ~ sama sekali* (73)

**bagak II** Pr tidak cukup akal (84)

**baguk II** Pr bagur (85)

**bahang II** Pr bahagian, hak, kepunyaan (86)

**terbalak-balak** Pr terapung-apung (di atas air)(95)

**baling II** Pr cerpelai (97)

**balu III** Pr lali, hilang perasaan, tidak peduli lagi (97)

**bangta** (Acheh) Pr gelaran anak raja (102)

**banta** (Acheh) Pr; *anak ~ anak Sultan Perak yang ditempatkan pada sesuatu keluarga untuk diasuh* (104)

**bara II**; *gajah ~ Pr gajah ganas*; @ **barak I** (107)

**belir** Pr berlebih-lebih, melewati batas (133)

**belota** Pr kenduri selepas menuai (133)

**bemak** Pr acuan batu jalan (133)

**benbarang** Pr barang-barang (135)

**bera III** Pr hitam legam (140)

**berembau** Pr kepek (tempat menyimpan padi)(144)

**biot** Pr degil (164)

**bolen I** (bolen) Pr bogel, telanjang (169)

**bongkar II**; ~ *cerah* Pr fajar menyingsing (171)

**calat II** P1, Pr habis: *nasi seperiuk itu dimakannya hingga ~* (204)

**cemoyang** Pr; **bercemoyang** 1. Berbunyi bising (spt bunyi anak ayam dll); 2. (berkenaan anak dll) banyak atau ramai bilangannya: *anak ~* (224)

**cuak III** Pr siram, simbah (250)

**deruih** Pr nakal (kanak-kanak) (297)

**dibab** Pr tampar sayang (geram dll)(303)

**dongking** Pr kurus (badan)(313)

**dotot** Pr ketot (kanak-kanak), bantut (315)

**empang II** Pr; **empang-empang** gila bahasa, agak ganjil (kelakuan atau perangai)(355)

**empuk II** Pr; **mengempuk** memukul (dengan sesuatu)(337)

**engkoh** Pr; ~*nya* rupa-rupanya (340)

---

*sambungan Lampiran*

---

**entang I** Pr; *tak ~ tadak peduli, tidak endah, tidak hormat: budak-budak itu tak ~ pd siapa-siapa pun* (341)

**entang II** Pr; **entangkan** sementang, walaupun, sungguhpun (341)

**galut** Pr selalu (364)

**gelinyau** Pk; **menggelinyau** gatal, gelisah (spt anak baru lahir)(384)

**gelut II** Pr giat mengerjakan sesuatu, sibuk (386)

**genyi** Pr tertahan nafsu utk makan (krn kotor, melihat najis dll) jijik, mual (393)

**gerutuk II** Pr; **menggerutuk** mengebas, mengirap-irapkan (kain dll)(397)

**getas III** Pr bernasib baik (402)

**getik II** Pr benci, jijik, meluat (403)

**gundi** sj. buah; *kembal ~ Pr kembal yang berbentuk buah dan dihiasi dgn kertas berwarna* (418)

**hakup** Pr tamak, haloba (428)

**henyut** Pr herot (452)

**hungas** Pr lari dgn kuat (kerana takut dsb), cabut lari (471)

**itam** 1. hitam 2. Pr; nama timang-timangan untuk anak yang ketujuh (503)

**jabil** Pr; pundi-pundi, uncang, undil (dibuat daripada kain atau mengkuang) (505)

**jeru** Pr; **menjeru** datang, singgah (536)

**jobon** Pr; **berjobon, berjobon-jobon** bertimbun (-bertimbun)(541)

**kacak II** Pr; **berkacak** berpijak, berdiri: *panglima kecil madu suara, Awang kecil akal melela, yg ~ di awan-awan, yg bergantung di angin lalu* (554)

**kacat** Kd, Pr; pinang ~, pinang muda (pinang jerkat)(555)

**kebet** (kebet) II Pr; **mengebek** mencari (594)

**kema** Pr; kami, kita semua (622)

**kemamam** 1. kebas, semutan; 2. lebih lesu (selepas sakit)(622)

**kemin I** Pr; kemas atau rapi buatannya (kerusi, meja dll)(627)

**ketoyong** Pr; terbalik dengan kepalanya ke bawah dan pakunya ke atas (bekenaan gasing yang berpusing ligat) (669)

**ketumbit II** Kd, Pr; bintil atau tembel (pada mata)(670)

**ketus I** **mengetus** Pr; mengeringkan (pinggan dll) dengan membiarkan airnya menitis (670) rujuk **tus I** (1501)

**ki** 2. Pr; datuk (kep. Aki)(675)

**kome** (kome) Pr; kamu semua (695)

**koya** Pr; banyak (710)

**lare** (lare) Pr gerak mula dalam pekerjaan dll) permulaan pekerjaan (769)

---

*sambungan Lampiran*

- lebu** II Pr; bp holang (dicuri orang) lesap (779)  
**lenjum** Pr basah kuyup (797)  
**lepau I** Pr; bangsal atau pondok (biasanya di sawah) (800)  
**lepau II** Pr. hendak, mahu (800)  
**libang** Pr; ~ *libu* kacau-bilau (perasaan) (806)  
**lugu III** Pr; jemu, jelak (829)  
**lup I** Pr; nama timangan bagi anak sulung lelaki, Kulup, Yup (834)  
**luru II** Pr; **meluru** menggosok supaya bercahaya (labu dll), menggilap (835)
- meta IV** Pr; diam, terdiam (886)  
**mika IV** Pr; kata gantian diri kedua, engkau, kamu (888)  
**mir** Pr; gelaran untuk orang lelaki yang beribukan Syarifah dan berbakakan orang kebanyakan (892)  
**mongkok II** Pr; bp membongkok (896)  
**muntang** Pr; mati terkapar (ikan dll), buntang (909)
- nabung** Pr; hampa (putus) harapan (915)  
**nano** Pr; tidak tentu arah (fikiran) (920)  
**negun** Pr ligat atau cepat (pusingan gasing) (925)  
**ngap II; mengap** Pr, bp mendiamkan diri, tidak bercakap-cakap (927)  
**ning I** Pr; hening (air), jernih (931)
- oloh** Pr, bp; **beroloh** tidur (banyak): *ai, dah pukul 10 pun masih ~ lagi* (942)  
**opah** Pr nenek perempuan (944)
- pandak II** Pr timang-timangan untuk anak yang kelima (968)  
**panjang II** Pr panggilan kpd anak lelaki keempat (974)  
**pelahau** Pr, Kd; terpelahau terlepas (peluang dll), kecewa, hampa (998)  
**perau** Pr perahu (1014)  
**peronggah** Pr mencarut (1024)  
**piang IV** Pr; **berpiang-piang** berpusing-pusing (1033)  
**pijau** Pr deman dengan sangat panas (1035)  
**pinuh** Pr kepek atau belubur yang terletak di sawah untuk menyimpan padi (1042)  
**puris** Pr lidi atau bilah-bilah yg kecil: ~ *nyiu lidi*; ~ *api* bilah (anak-anak) mancis api (1074)
- ragah II** PR tegap badan (manusia)(1085)  
**rambas; merambas** Pr 1. mengibas-ngibas kain dll; 2. mengibaskan kain (utk menghalau hantu ketika mengubati orang sakit): *maka tok bidan yang tua pun lalu*

*sambungan Lampiran*

---

~ dgn kain tujuh warna (1094)

**rambat III** 1. Br, Pr jala 2. Kd rantai (batu) jala; **merambat** Pr membubul jala (1094)

**ratap III**; **merapat** Pr penuh dgn barang hiasan (cincin dll) jarinya ~ dgn cincin (1109)

**rebak I** Pr runtuh (tebing sungai dll): *di mana-mana sahaja ada sungai mengalir, tanah tetap* ~ (1113)

**rehek** (rehek) Pr; **merehek**; *kurus* ~ kurus kering

**remam** Pr kayu atau buluh kecil (spt jarum) yg diikat pada tali dan menyebabkan perangkap tertutup (1121)

**remban** (remban) Pr; **meremban** merembat: *nanti kuremban kakinya dgn parang*; (1121)

**rembuh**; ~ *rembai* Pr meleleh (air mata); → *rembih, rembah* (1122)

**rempit** Pr; **merempit** menyemat dengan rotan dll, menyegah (1123)

**renak** Pr; *pepak* ~ bersepah-sepah, terserak-serak (barang, sampah, dll) (1123)

**rendap** Pr; **merendap** menenggelamkan sebahagian badannya dlm air (1126)

**rengkau** Pr; **merengkau** menangis, meratap (1127)

**repih II** Ph, Pr; **merepih** menebas semak (rumpun dll), mencuci ladang (halaman), merumput (1131)

**repu** Pr; **merepu** 1. menimbun sampah dll utk dibakar (utk menghalau nyamuk, hantu, dll); 2. tersangat banyak, berlambak-lambak (1132)

**repuh III** Pr; **merepuh** penuh (dgn bunga): *pokok-pokok durian sedang* ~ (1132)

**rigap** Pr cekap dan pantas (kerja) ~ spt lipas kudung (1138)

**ripai** Pr wang yg diturunkan secara berdikit-dikit oleh beberapa orang utk membeli sesuatu benda yang mahal, wang pakatan (1143)

**ronggah** Pr; **peronggah** mencarut (1148)

**ropa** Pr; bp rupa (1149)

**runas** Pr; **merunas** meregut, mematah (pucuk, bunga dll) (1158)

**ruyung II** 2. Pr huyung → **royong II** (1163)

**sambang VI**; *mempelai* ~ Pr pengapit pengantin laki-laki (1179)

**sangluat** Pr kandang kerbau jalang (1188)

**selumus** Pr berlumuran; → **lumus** (1225)

**semiak** Pr; *tak* ~ tidak sedap badan (1233)

**sempoh** (sempoh) Pr menanduk (kerbau) (1235)

**senalu** Pr selalu (1236)

**sepera** Pr; (orang) *gila* ~ orang yang bebal akal (bodoh benar)

**seregut** Pr tidak hati-hati, gopoh

**sobai** Pr tidak kemas (pakaian), serbah-serbih (1295)

---

## RUJUKAN

- Abdul Chaer Mad'ie, 1978. "Kamus dan Pengajaran Bahasa", dlm. *Jurnal Dewan*, hlm. 816–827.
- Asmah Hj. Omar. "Perkamusan Melayu: Suatu Penilaian", dlm. *Syarahannya Memperingati Ulang Tahun yang Kesepuluh Koleksi Kebangsaan Perpustakaan Universiti Malaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Hj. Omar. "The Descriptive-Prescriptive Dictionary: A Review Article of *Kamus Dewan*", dlm. *The Brunei Museum Journal*. Vol. 2 No. 3.
- Hanks, P., 1987. "Defination dan Explanation" dlm. *Looking Up*. London dan Glasgrow: Collins ELT.
- Hartmann, R.R.K., 1973. *Dictionary of Language and Linguistics*. London: Applied Science Publishers Ltd.
- Kamus Dewan* Edisi Ketiga, 1996. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Landau, S.I., 1984. *Dictionaries: The Art and Craft of Lexicography*. New York: Charles Scribner's Sons.
- Longman Dictionary of Contemporary English*. 3<sup>rd</sup>. Edition. London: Longman.
- Nor Azizah Abu Bakar, 2000. "Metabahasa dan Pengungkapan Definisi dalam *Kamus Melayu*" dlm. *Jurnal Dewan*, hlm. 863–875.
- Noresah Baharom, 1993. "Kamus Dewan" dlm. *Jurnal Dewan*, hlm. 1120–1127.
- Rey, A., 1990. "Definitional Semantics: Its Evolution in French Lexicography" dlm. *Meaning and Lexicography*. Philadelphia: John Benjamin.
- Sinclair, J.M., 1987. "The Nature of the Evidence" dlm. *Looking Up*. London dan Glasgow: Collins ELT.
- Svensen, Bo. 1993. *Practical Lexicography: Principles and Methods of Dictionary-Making*. Diterjemahkan daripada bahasa Sweden oleh John Sykers dan Kerstin Schofield. Oxford: Oxford University Press.
- Zgusta, L. 1971. *Manual of Lexicography*, Academy of Sciences. The Hague: Mouton.